


ULASAN BUKU



ARRIYA

MENTOR SUBJEK CINTA

Beranang, Selangor : Cute Publication,

2016

ISBN 9789672069003

ULASAN

Lenny adalah seorang gadis berlesung pipit yang ceria. Malah sesiapa yang terpandang senyumannya pasti akan rasa turut bahagia. Cita-citanya hanya satu, mahu memajukan diri demi masa depan. Kisah duka yang mengiringi perjalanan hidupnya biarlah disimpan jauh di sudut hatinya. Adwan, cinta adalah perkara yang kedua. Membahagiakan ibu adalah keutamaannya. Tetapi sejak mengenali gadis kesayangan Puan Hamimah itu, segalanya mula berubah. Warna-warni cinta tidak mampu ditepis lagi. Cuma dua perkara yang menjadi penghalang si jejaka iaitu tanggungjawabnya sebagai seorang guru yang tidak memungkinan dia bercinta dengan anak muridnya sendiri. Penerimaan Lenny sendiri yang tidak faham isyarat cinta si jejaka kerana dia cuma menganggap tidak lebih dari seorang guru bahasa Inggerisnya sahaja. Saat Lenny teruji dengan dugaan silih berganti, setiap kali itu Adwan hadir menjadi adiwira. Tapi sampai bilakah Lenny akan terus bergantung harap Adwan menjadi mentornya jika sudah sampai masa dia harus meninggalkan Adwan?

Buku berjudul : Mentor Subjek Cinta karangan Arriya ini benar bersesuaian dengan judul yang diberikan. Buku ini berkisarkan tentang situasi antara dua watak iaitu Lenny seorang pelajar yang cemerlang dan watak Adwan yang juga dikenali sebagai Cikgu Wan iaitu seorang jejaka yang amat bertanggungjawab dan disayangi oleh semua anak muridnya. Buku ini tidak hanya berkisar tentang Lenny dan Adwan semata-mata, malah ia juga merangkumi nilai-nilai murni yang patut dicontohi oleh orang ramai.

Pengarang buku ini membawa ceritanya dalam bentuk novel supaya mudah difahami oleh semua golongan pembaca. Alur cerita pula amat menarik dengan adanya permulaan, komplikasi, evaluasi dan resolusi yang akan membuat pembaca sentiasa ingin tahu dan tidak terhenti untuk membaca. Tema cerita pula menggambarkan kehidupan seorang remaja perempuan yang berjuang dengan latar belakang yang pahit demi memajukan diri dan untuk merasai kasih sayang yang diimpikan.

Antara nilai murni yang dapat diperolehi daripada novel ini ialah rasa hormat kepada kedua ibu bapa kita. Adwan amat menghormati dan sayang terhadap ibunya yang kian sudah tua. Adwan juga sanggup berkorban melepaskan jawatan tinggi di bandar supaya dia dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan sempurna sebagai seorang anak. Pengarang juga turut menyampaikan bahawa kita perlu menghormati orang lain biarpun mereka pernah menghina atau menyakiti kita melalui watak Lenny yang tetap menghormati kakak saudaranya Nora dan nenek Piah walaupun mereka sering menghina dan menderanya. Malahan Lenny juga selalu berdoa untuk memaafkan perlakuan kedua-dua mereka ini.

Melalui novel ini juga pengarang turut menyentuh serba sedikit tentang masalah disiplin dalam kalangan murid-murid sekolah yang semakin meningkat. Ibu bapa terlalu sayang dan percayakan anak-anak sehingga mereka tanpa usul periksa sanggup memarahi guru yang hanya ingin mendidik anak muridnya bagi menjadi insan yang berguna. Pak Long dan Mak Long tidak mengawal anak perempuannya Nora walaupun mereka sedar bahawa perlakuannya salah.

Begitu juga nenek Piah sanggup membakar rumah Lenny hanya kerana mengikut kehendak Nora yang tidak suka dengan Lenny.

Pengarang juga menekankan bahawa kita tidak boleh mengkritik seseorang hanya berasaskan pada latar belakang ahli keluarganya semata-mata. Bukan itu sahaja, pengarang juga menyelitkan nilai kepercayaan kepada Tuhan. Lenny tetap percaya kepada Allah S.W.T walau apa jua keperitan hidup yang lalunya. Dia juga tidak pernah lupa untuk bersyukur kepada segala rezeki yang diterimanya.

Novel ini turut menyelitkan nasihat bahawa seseorang itu perlu berusaha sendiri untuk maju dalam kehidupannya. Lenny membuat penjualan kek dengan usaha sendiri. Walaupun dia tidak mempunyai kemudahan pengangkutan, namun dia tetap berusaha dengan membuat penghantaran menggunakan basikal lamanya. Selain itu Adwan juga mengambil inisiatif dengan membuka pusat tuisyennya sendiri selepas berhenti kontrak sebagai seorang guru.


Sebuah pertalian perkahwinan juga perlu berasaskan kasih sayang dan kepercayaan kepada pasangan masing-masing. Adwan menerima Lenny dengan seadanya walaupun ada latar belakang Lenny yang kian dipersoalkan oleh orang lain. Kasih sayang dapat merubah segala-galanya. Sayangilah ibu bapa, saudara, pasangan dan orang sekeliling.

Pengulas mensyorkan buku ini kepada peminat buku cerita romantis dan inspirasi. Anda mesti jatuh cinta dengan novel ini berdasarkan jalan ceritanya yang sangat menarik dan mudah difahami. Kesusahan dan keperitan hidup itu bukanlah buat selama-lamanya. Usaha yang tidak berputus asa dan kepercayaan kepada Allah S.W.T pasti akan terbalas suatu hari nanti.

Pengulas :

THURKADEVI A/P VICTOR KUMUR
Pembantu Pustakawan S19
Bahagian Pinjaman
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



AHMAD DUSUKI ABD. RANI,
1965

**NOTA AJAL SEORANG
Mukmin / (Ahmad Dusuki
Abdul Rani)**

Lot 26, Jalan Renggam 15/5,
Seksyen 15, 40200 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
ISBN 9789678607728

ULASAN

Daripada sibuk menghitung masa, menunggu datangnya malaikat maut, lebih baik lakukan ibadah terbaik sampai kematian menjemput, kata-kata daripada penulis buku best seller iaitu Ahmad Dusuki Abd Rani.

Buku berjudul Nota Ajal Seorang Mukmin yang dikarang oleh Ahmad Dusuki Abd Rani bersesuaian dengan judul yang diberikan. Buku ini menceritakan mengenai hakikat kematian, kehidupan kita selepas ajal menjemput, keadaan roh, sifat malaikat maut, fitnah kubur dan seksaannya. Semua isu yang terkandung di dalam buku ini disampaikan dengan menggunakan bahasa yang santai dan mudah untuk difahami. Paling penting ia bersumberkan al-Quran dan hadis yang sahih.

Penulis menyampaikan tentang keadaan manusia yang akan dibangkitkan di Padang Mahsyar nanti. Ini kerana pada saat itu masing-masing akan melarikan

diri, suami akan melarikan diri, anak-anak juga akan melarikan diri dan semua akan melarikan diri. Melarikan diri sebab apa? Sedangkan mereka saling terikat dengan jalinan dan ikatan yang tidak akan terpisah. Tetapi suasana di Padang Mahsyar ketika itu telah merobek-robek ikatan tersebut dan memutuskan jalinan-jalinannya. Walau betapa erat kasih dan sayang kita dengan kita dengan mereka, namun di hari perhitungan, kita tidak akan mengingati mereka lagi. Ini kerana masing-masing telah menghadapi masalahnya sendiri. Oleh kerana itu, setiap manusia tidak sempat untuk fikirkan pasal orang lain. Ini kerana keadaan di akhirat yang begitu membimbangkan mereka. Antaranya mereka sibuk memikirkan apa yang mereka telah buat dan bagaimana mahu menyelamatkan diri mereka sendiri.

Antara isi yang dapat menarik minat pembaca adalah buku ini mengandungi nilai keagamaan yang dapat memberi banyak pelajaran dan pengajaran kepada pembaca agar dapat memperbaiki diri ke arah lebih baik. Supaya kita tidak terlajak dalam hidup, supaya kita ini tidak dalam keadaan yang terlanjur ketika melakukan perkara-perkara yang dimurkai oleh ALLAH SWT. Takut kepada ALLAH SWT dan bukan seperti pencuri takut kepada polis. Makin takut makin menjauhkan diri. Takut kepada ALLAH SWT ini makin takut makin dekat diri dengan ALLAH SWT.

Bagi pembaca yang meminati kisah keagamaan, buku ini juga menceritakan peringatan yang paling penting dan yang paling semua takuti iaitu mengenai sakaratul maut yang wajib semua makhluk yang bernyawa akan tempuhi dan alaminya. Sakaratul maut terbahagi kepada dua iaitu yang pertama adalah sakaratul yang membahagiakan seseorang dan yang kedua adalah sakaratul yang menjadi kecelakaan kepada seseorang yang berdasarkan kepada amalan sepanjang kehidupannya semasa di dunia. Tujuan sakaratul ini ialah untuk seseorang itu mengetahui bagaimana saat-saat seseorang itu akan berhadapan dengan ALLAH SWT. Ketika inilah dibuka hijab pada matanya, dan kita akan mula melihat bagaimana para malaikat turun untuk mencabut nyawa.

Bagi pembaca yang meminati kisah keagamaan, buku ini juga menjelaskan terdapat empat golongan manusia yang akan menghadapi kematian. Pertama ialah mati dalam keadaan tercengang iaitu tidak pernah melakukan dosa atau perkara-perkara yang dilarang oleh ALLAH SWT. Kemudian pada masa yang sama mereka ini tidak pula melakukan perkara-perkara sebagaimana yang diperintahkan oleh ALLAH SWT. Meninggalkan yang dilarang tetapi tidak mengikut yang disuruh oleh ALLAH SWT. Kelompok ini bahaya kerana mereka merasakan diri mereka sudah menjadi baik tetapi sebenarnya mereka belum lagi baik. Yang kedua ialah munafik, kelompok paling bahaya kerana mereka ini memberanikan diri melakukan dosa walaupun pada hakikatnya mengetahui ia dilarang oleh ALLAH SWT. Yang ketiga adalah orang kafir mohon dikembalikan ke dunia iaitu mereka yang tidak beriman dan kufur kepada ALLAH SWT. Manakala yang keempat ialah khabar gembira untuk orang yang beriman iaitu mereka yang tergolong dalam kalangan mereka yang istiqamah di jalan ALLAH SWT. Oleh itu, istiqamahlah dalam agama ALLAH SWT walaupun didatangi pelbagai ujian kerana janji ALLAH SWT itu pasti.


Pada pendapat pengulas, bab 6 “Sakaratul maut, bersediakah kita?” merupakan bab yang paling penting dan berharga untuk disentuh oleh kita kerana kematian itu adalah wajib akan dilalui oleh semua yang bernyawa. Tatkala ajal seorang hamba telah sampai, pasti dia akan merasakan sakit yang luar biasa kerana sakaratul maut, kecuali hamba-hambanya yang ALLAH SWT berikan keistimewaan. Orang yang hampir dengan kematian, diantara perkara yang akan diubah oleh ALLAH SWT ialah masa yang dirasakan adalah panjang.

Penulis mengesyorkan kepada pembaca yang meminati ilmu keagamaan agar dapat menerapkan ilmu keagamaan dalam diri pembaca agar hidup pembaca akan selalu dirahmati dan diberkati oleh ALLAH SWT.

Pengulas:

Nor Syafiqah Binti Mahmood
Pembantu Pustakawan
Pusat Rujukan Malaysiana dan
Luar Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



DR. ABDUL RAHIM
Saya Sakit Apa Doktor?
Petaling Jaya, Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.,
2020.
ISBN 9789830978734

ULASAN

Buku ini secara umumnya membincangkan beberapa isu kesihatan masyarakat Malaysia. Bagi membincangkan dan menghuraikan isu-isu tersebut satu persatu, penulis berkongsi maklumat dan ilmu kesihatan melalui persembahan dan gaya bahasa yang cukup bersahaja agar mudah difahami oleh setiap lapisan pembaca.

Permulaan penulisan penulis mengajak pembaca untuk mengetahui status kesihatan anda. Tujuannya adalah untuk menyarankan setiap orang membuat pemeriksaan kesihatan enam bulan sekali bagi mengetahui status tahap kesihatan masing-masing. Penulis menghuraikan penyakit lazim dan yang paling banyak dihadapi oleh masyarakat adalah darah tinggi yang boleh mengakibatkan maut jika tidak dicegah dan dirawat dengan kadar segera. Penulis juga mengupas isu kesihatan berkaitan dengan kegagalan buah pinggang serta menjelaskan kegagalan buah pinggang terjadi apabila hilang keupayaan untuk menapis bahan toksin dari darah dengan sempurna. Ujian akan dilakukan terhadap pesakit bagi mengesan buah pinggang di peringkat awal iaitu antaranya dengan membuat

ujian air kencing. Menurut penulis terdapat dua jenis kegagalan buah pinggang, pertama kegagalan buah pinggang akut (ARD) iaitu fungsi buah pinggang hilang secara tiba-tiba. Kedua, kegagalan buah pinggang kronik (CKD) iaitu kegagalan ginjal dialami secara perlahan-lahan yang biasanya disebabkan penyakit seperti tekanan darah tinggi, kencing manis, *glomerulonephritis* dan *pyelonephritis* yang secara perlahan-lahan merosakkan ginjal dan fungsi ginjal dalam jangka masa yang panjang. Menurut penulis dialisis adalah salah satu rawatan untuk menggantikan fungsi buah pinggang yang sudah rosak teruk. Terdapat dua jenis dialisis iaitu *Hemodialisis (HD)* dan *Peritoneum Dialysis (PD)*. Selain dialisis pemindahan buah pinggang sihat daripada penderma kepada pesakit adalah rawatan alternatif lain.

Penulis juga membincangkan berkaitan dengan ENT iaitu telinga, hidung dan tekak. Penulis menerangkan mengorek tahi telinga dengan kerap sehingga bersih boleh menyebabkan pertumbuhan kulat pada telinga yang dikenali sebagai *Otomycosis* yang lazimnya boleh menjangkiti penduduk Malaysia disebabkan iklim panas dan lembap di negara kita. Penulis juga menerangkan fungsi tahi telinga antaranya adalah sebagai antibakteria terhadap kuman dan antikulat. *Otitis Externa* juga dijelaskan oleh penulis iaitu berkaitan dengan jangkitan bakteria, kulat, alahan dan trauma pada telinga pesakit. Penulis juga menasihatkan kepada ibu dan bapa supaya berwaspada dengan anak-anak mereka kerana suka bereksperimen dengan memasukkan benda asing ke dalam hidung. Menurut penulis komplikasi akan berlaku jika benda asing tidak dapat dikeluarkan. Benda asing ini boleh menyebabkan pembengkakan pada lapisan luar mukosa. Keadaan akan bertambah parah jika infeksi berlaku kerana ia boleh mengakibatkan maut. Penulis juga membincangkan dua jenis resdung iaitu *Rhinitis* dan *Sinusitis*. Menurut penulis *Rhinitis ini* bukan satu penyakit. Ia disebabkan tindak balas hidung alahan terhadap sesuatu seperti suhu, debu, dan lain-lain. Manakala *Sinusitis* adalah jangkitan kuman di hidung akan menyebabkan terowong ini bengkak dan saluran sinus tersumbat mengakibatkan cairan hingus terkumpul dalam ruang sinus dan infeksi lalu bernanah.


Turut disentuh berkaitan dengan kesihatan kanak-kanak. Demam adalah salah satu isu kesihatan yang dihuraikan oleh penulis. Menurut penulis rawatan segera perlu dilakukan untuk mengelakkan terkena sawan tarik. Penulis membezakan semput kahak adalah kahak yang tidak dikeluarkan daripada dalam hidung dan saluran pernafasan, manakala *asthma* disebabkan saluran pernafasan menjadi sempit yang akan menyebabkan kesukaran untuk bernafas. Penyakit tangan, kaki dan mulut adalah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus daripada kumpulan *enterovirus*. Selalunya penyakit ini menyerang kanak-kanak pada usia 10 tahun ke bawah kerana sistem pertahanan tubuh mereka tidak kuat. Manakala *Cerebral palsy*, ekzema ialah kerosakan sel otak bahagian motor dalam otak yang mengakibatkan kurang keupayaan pergerakan otot-otot. Menurut penulis, melalui rawatan fisioterapi dan pendidikan khas ia dapat membantu masalah pesakit. Ekzema dalam kalangan kanak-kanak juga sering terjadi disebabkan pertahanan permukaan kulit amat lemah.

Buku *Saya Sakit Apa Doktor?* telah dijelaskan dengan baik secara ilmiah dan bersahaja oleh penulisnya, kerana beliau sendiri adalah merupakan seorang Doktor Pakar Klinikal yang berwibawa dalam bidangnya. Buku ini dapat memberikan maklumat berguna kepada pembaca khususnya masyarakat Malaysia dalam membantu memahami situasi sakit yang hidapi.

Pengulas:

Klyene Michael
Pembantu Perpustakaan
Pusat Penyerahan Terbitan Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



AZIM HAKIMI
MR GAMER VS MISS H
Selangor : PTS Publishing House
Sdn.Bhd, 2016
ISBN 9789674118068

ULASAN

Harris Hafizul merupakan seorang pelajar tingkatan 2 di Sekolah Menengah Kebangsaan Permata Biru. Hobinya adalah bermain permainan video yang sememangnya sudah sehati dengan dirinya sehinggakan dia juga dikenali dengan gelaran sebagai Mr Hacker kerana kepakarannya dalam menggodam pelbagai jenis permainan video.

Buku berjudul : Mr Gamer VS Miss H karangan Azim Hakimi ini benar bersesuaian dengan judul yang diberikan. Buku ini adalah berkisarkan tentang situasi diantara dua watak iaitu Harris Hafizul seorang pelajar yang pakar dalam menggodam permainan video dan watak Hariza Hafisah yang juga dikenali sebagai Miss H iaitu seorang wanita yang tamak sehingga sanggup melakukan apa sahaja demi mencapai kemahuan dan keuntungan sendiri. Buku ini tidak hanya berkisar tentang Harris dan Miss H semata-mata namun lebih menjelaskan tentang hubungan sesebuah persahabatan dan sikap negatif seperti tamak haloba yang akhirnya akan jatuh menimpa diri sendiri.

Penulis menyampaikan kisah seorang pelajar lelaki yang mempunyai kepakaran menggodam permainan video dalam bentuk sebuah novel supaya pembaca dapat lebih mudah memahami isi kandungannya. Bahasa yang digunakan oleh penulis adalah sangat mudah untuk difahami oleh pelbagai peringkat umur khususnya kepada pelajar sekolah peringkat rendah. Walaupun berbentuk novel penulis turut menyertakan sedikit dialog dalam beberapa bab untuk lebih mudah difahami dan dihayati jalan penceritaannya.

Antara isi yang dapat menarik pembaca adalah bila Miss H sudah mengatur strategi namun tetap menemui jalan buntu untuk menjadi seorang gadis penggodam yang terkenal. Atas kebijaksanaan Profesor Rahman dan Harris dalam menyusun rancangan bagi meloloskan diri daripada diculik oleh Miss H, mereka berjaya menghalang daripada berlaku perkara yang tidak diingini sambil dibantu oleh rakan-rakan Harris yang bersatu hati dalam membantu sahabat mereka.

Bagi pembaca yang meminati dunia IT, buku ini juga ada menyelitkan sedikit unsur nilai murni tentang seseorang itu harus bijak dalam menguruskan jadual seharian supaya aktiviti kebiasaan boleh berjalan dengan lancar dan tidak menggunakan kepakaran yang dimiliki ke arah perlakuan negatif supaya tidak akan berlaku kesulitan kepada diri sendiri kelak

Buku ini juga menyelitkan tentang hubungan kasih sayang di dalam sesebuah keluarga dan sahabat. Ketika Harris disedari telah hilang dan dipercayai telah diculik, ibu bapa sahabat Harris turut datang untuk menghulurkan bantuan oleh keluarga Feng, Hanani dan Zack. Mereka telah sepakat untuk turut membantu dalam usaha mencari Harris walaupun laporan polis telah dilakukan.


Pengulas menggambarkan Harris adalah seorang pelajar yang sangat beruntung kerana mempunyai ramai sahabat yang amat sayang kepadanya. Ini kerana Harris sentiasa mengambil berat dan mempunyai sikap prihatin yang tinggi kepada sahabat-sahabatnya.

Pengulas berharap kepada pembaca yang meminati tentang dunia IT contohnya permainan *video game* hendaklah pandai menguruskan masa sendiri, bijak menyusun jadual seharian dan tidak menggunakan kepakaran yang ada demi kepentingan dan kepuasan diri sendiri sehinggakan menyebabkan kerugian kepada orang lain.\

Pengulas :

NUR SYAHIRAH MUSTAPHA KAMAL
Pembantu Pustakawan S19
Bahagian Penyelidikan
Perpustakaan Negara Malaysia

BOOK REVIEW



DONNIE ADAMS
AZNAN CHE AHMAD
RAJALETCHUMY KOLANDAVELU
**Raising Your Child with Special Needs:
Guidance & Practices**
Wangsa Maju, Kuala Lumpur:
Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2020.
ISBN 9789674608538

REVIEW

Parenting a child with special needs requires high levels of knowledge, patience, awareness, access to resources, information, and services. Proper information, diagnoses, therapies, and interventions ensure parents will be focusing on the right methods and activities for their child. *Raising Your Child with Special Needs: Guidance & Practices* provides quick facts on the many types of special needs in a clear and simplistic manner. This book covers everything from the descriptions of the type of special needs, illustrations of each type of special needs with infographics, and practical advice to parents and educators on how to help a child with special needs.

At the beginning of this book, it explains special education in Malaysia provides educational opportunities for children with special needs and the role of school leaders in special education. Children with Autism, Global Development Delay(GDD), Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD), Down Syndrome, Cerebral Palsy, Slow Learner, Mental Retardation/Intellectual Disability, Dyspraxia and Dyslexia are under the Learning Disabilities(LD) category. Firstly

is Autism. It's a repetitive behavior disorder that affects the ability of a child to communicate and interact with other people. Guidelines for parents to help their child are create and maintain a schedule, encourage and support, increase or build upon strengths, reward your child, and connect and network. Secondly is ADHD. Children with this disability struggle with low self-esteem, troubled relationships, and poor performance in school. Parenting tips to handle ADHD children are to decide appropriate behavior for your child, give "time-out", develop a structure, exercise, and create a quiet place. Thirdly is GDD. It is a diagnosis given when a child shows delays in several areas of development which have continued for at least six months. Treatments are designed to focus on a child's unique needs. Fourthly is Cerebral Palsy. It is classified by the type of movement problem and the body parts that are involved. Examples are spasticity, athetoid, ataxic, and mixed. Parenting tips for your child's life easier is to be a home therapist, practice an active lifestyle, provide a special diet, and make friends with other parents.

Fifthly is down syndrome. It's a well-known chromosomal disorder, whereby there is abnormal cell division which results in an extra full or partial copy of chromosome 21. Parenting tips are to create routines for your child, assign responsibility, and communicate clearly. Sixthly is Mental Retardation/ Intellectual Disability. It is a condition where the mental ability or the intelligence of a child is below average which affects their functioning skills to perform daily tasks. There are four stages which are mild, moderate, severe, and profound. Guidelines to help your child are upgrading your knowledge, allow discovery, and connect the network. Seventhly is a slow learner. Children have difficulty in learning but have a normal average or above-average. There is a total of 6 characteristics of a slow learner. Guidelines for you to be patient, provide a suitable study environment, ask questions, and communicate with teachers. Eighthly is Dyslexia. It causes children in difficulties in reading, writing, and spelling. Example of parenting tips is read, make a tear, communicate, with teachers, use technology aids, organize your child's homework, and build upon your child's strengths.

Ninthly is Dyspraxia/Apraxia. It is a motor speech disorder that makes it difficult for children to speak. There are 5 types of Apraxia such as Orofacial, Limb-Kinetic, Ideometer, Speech, and Construction Apraxia. Few points on how you can help


your child with Apraxia at home are to communicate, use technology aids, don't respond to non-verbal communication, and help with learning creatively. Tenthly is Sensory Processing Disorder. It is a condition in which the brain finds it difficult to receive and respond to information that comes from the five senses. Sensory Integration Therapy is a treatment for it where the idea is that specific movement activity such as resistive bodywork.

This book also introduces Ecotherapy, a type of therapy using nature as a form of healing. The Ecotherapy activities discussed in this book can be done continuously, cost-effectively, and in any natural setting. This book is written in an easy to understand and informative form. An absolute must have reference for any parent with a child with special needs and those seeking a user-friendly book on special education to use as a resource.

Reviewer:

PARAMESS A/P KRISHNAN
Pembantu Pustakawan
Pusat Penyerahan Terbitan Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



SURESH KUMAR N VELLYMALAY
SIVARAJAN PONNIAH
**Budaya, Adat dan Ritual Penganut Agama
Hindu di Malaysia**
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019.
ISBN 9789834905637

ULASAN

Setiap masyarakat di dunia mempunyai adat tradisi yang diwarisi secara turun-menurun. Secara amnya, semua masyarakat termasuk dalam kalangan orang Melayu, Cina, India serta suku kaum yang lain di Malaysia kebanyakannya mempunyai budaya, tradisi, adat istiadat dan ritual tersendiri dan masih mengekalkan kebudayaan tersebut sehingga kini. Buku ini menjelaskan aplikasi budaya, tradisi, adat istiadat dan ritual orang-orang India di Malaysia yang sering diamalkan bermula dari awal kelahiran sehingga kematian.

Buku ini sesuai dijadikan panduan oleh semua lapisan masyarakat yang berminat untuk mengetahui perkembangan putaran hidup orang India tentang budaya, tradisi, adat istiadat dan ritual penganut agama Hindu beserta alasan di sebalik praktis yang dilakukan. Buku *Budaya, Adat dan Ritual Penganut Agama Hindu di Malaysia* ini mengandungi empat (4) bab yang dimulakan dengan menyentuh secara komprehensif mengenai kelahiran anak, umur yang matang bagi anak perempuan, perkahwinan dan yang terakhir tentang kematian.

Seperti yang kita tahu semua kaum amat menitikberatkan tentang kelahiran anak kerana anak adalah zuriat yang akan menyambung keturunan dalam keluarga. Dalam bab ini juga, para penulis telah menerangkan tentang adat melenggang perut (*Valaikkaappu*) dan upacara kelahiran anak. Bagi orang India, adat *Valaikkaappu* adalah adat yang dilakukan ketika kandungan sulung (*Talaippirasavam*) wanita hamil menjangkau usia tujuh hingga sembilan bulan. Adat ini amat penting bagi masyarakat India khususnya dan ia juga memerlukan persiapan yang rapi sebelum berlangsung upacara tersebut seperti kepulangan ke rumah ibu kandung, penetapan tarikh, tempahan sami dan sebagainya. Hal yang demikian, mereka memerlukan pelbagai peralatan untuk melengkapkan upacara tersebut.

Awalan bab dimulakan dengan upacara setelah bersalin yang amat penting bagi orang India bagi mengelakkan sebarang masalah kepada ibu dan anak yang dilahirkan. Anak yang telah dilahirkan juga akan diberi nama, dicukurkan rambut dalam masa sebulan ataupun dua bulan dan ditindikkan telinga bagi memastikan bayi tersebut akan menempuh kebahagiaan dalam hidup. Hal yang demikian, pelbagai acara dilakukan pada sebelum dan selepas anak dilahirkan.

Bab seterusnya pula membincangkan tentang umur matang tentang anak perempuan. Bab ini amat menarik minat pengulas apabila anak perempuan yang sudah mencapai umur matang akan dijaga dengan baik kerana mereka akan menempuh alam baru sebagai wanita dan ibu selepas berumahtangga. Para penulis juga telah menyatakan anak perempuan yang sudah mencapai umur matang akan dimaklumkan kepada ahli keluarga, *Taaymaaman*, jiran terdekat dan sami kuil untuk upacara cukup umur. Pelbagai persediaan yang dilakukan sebelum upacara diadakan tidak lupa juga ada beberapa larangan yang perlu dipatuhi oleh anak perempuan seperti larangan melihat muka orang lelaki.

Adat perkahwinan bagi orang India adalah sama seperti adat orang Melayu yang mempunyai lima tahap iaitu merisik, melamar, meminang, bertunang dan berkahwin. Seterusnya, masyarakat India mempunyai adat dan budaya

perkahwinan yang unik dan mereka masih mengekalkan adat turun-temurun mereka. Para penulis juga mengatakan amalan monogami yang menjadi nadi kehidupan orang India memberikan keutamaan kepada pelbagai ritual di dalam adat perkahwinan mereka.

Pengakhiran seseorang adalah kematian. Pada bab terakhir, para penulis telah membincangkan tentang adat kematian bagi orang-orang India. Pelbagai upacara diadakan sehingga mendiang dikebumikan supaya roh mendiang akan tenang dengan tambahan setiap upacara ada makna tersirat yang kita tidak tahu.

Buku ini sesuai untuk peringkat remaja dan dewasa untuk mencari ilmu baru dalam kehidupan seterusnya dapat mengetahui dengan lanjut berkaitan kaum lain. Selepas membaca buku ini, pembaca tidak akan tertanya lagi maksud tersirat tentang budaya, adat dan ritual agama Hindu dalam masyarakat India. Bagi rakyat Malaysia, kita perlulah mempunyai serba sedikit pengetahuan tentang adat resam dan budaya bangsa-bangsa lain.

Pengulas:

Anis Farhain Binti Azman

Pelajar Praktikal

Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat

(Kepujian) Pengurusan Perpustakaan

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Cawangan Negeri Sembilan

Kampus Rembau

ULASAN BUKU



NORMAH CHE DIN
NOH AMIT
**Pengurusan Tingkah Laku Kanak-kanak
Autisme: Panduan untuk Golongan
Professional dan Ibu Bapa**
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019.
ISBN: 9789834921118

ULASAN

Buku yang ditulis ini merupakan satu panduan dan pendedahan tentang kaedah penilaian dan mendiagnosis autism. Golongan profesional dan ibu bapa juga akan dijelaskan tentang intervensi dan pengurusan kakak-kanak autism berdasarkan kaedah modifikasi tingkah laku yang amat berguna.

Buku yang ini mengandungi tujuh (7) bab ini menceritakan secara mendalam tentang panduan kepada golongan profesional dan ibu bapa dalam menangani anak-anak autism. Pengarang berjaya menyampaikan mesej mengenai faktor risiko penyakit autism serta penilaian dan diagnosis autisme dengan berkesan dan mudah difahami. Pengarang juga menceritakan kaedah, kemahiran dan panduan untuk ibu bapa berkaitan perkembangan kanak-kanak autism dalam penyampaian yang jelas beserta contoh situasi yang bakal dihadapi oleh penjaga kanak-kanak autism.

Buku ini ditulis berdasarkan hasil garapan pengalaman penulis sendiri yang merupakan ahli psikologi dan temuramah secara langsung dengan pesakit atau

klien autisme. Tambahan pula, tugas pengarang selaku pengajar dalam kursus modifikasi tingkah laku kepada pelajarinya di Universiti Kebangsaan Malaysia merupakan pengalaman yang dapat memantapkan lagi hasil penceritaan buku ini.


Buku ini memberi panduan kepada ibu bapa atau penjaga untuk mengukur tahap keseriusan permasalahan tingkah laku kanak-kanak autisme sebelum menjalankan terapi dengan lebih tepat dan berkesan. Selain itu, buku ini juga membantu pakar perubatan diagnosis autisme dan menambahkan ilmu pengetahuan pakar psikologi klinikal sama ada di klinik atau hospital.

Buku ini sesuai untuk ibu bapa bagi meningkatkan pemahaman tentang prosedur intervensi dan membantu mereka menguruskan kanak-kanak autisme dalam pembelajaran dan persekitaran rumah dengan lebih berkesan. Oleh itu, para profesional dan ibu bapa disarankan membaca buku ini bagi menambah ilmu pengetahuan tentang pemahaman berkaitan prosedur yang merangkumi kemahiran komunikasi, kemahiran sosial dan kaedah pengurusan tingkah laku bagi membantu pengurusan kanak-kanak autisme.

Pengulas:

Siti Nor Fairuz Binti Rosaidee
Pelajar Pelatih
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Negeri Sembilan
Kampus Rembau

SINOPSIS BUKU



AB AZIZ MOHD ZIN & ET AL.
**PSIKOLOGI DALAM
DAKWAH**
Kuala Lumpur : Penerbit
Universiti Malaya, 2020.
ISBN: 9789674881047

Psikologi merupakan ilmu dalam mendalami jiwa dan tingkah laku manusia. Psikologi dalam dakwah amat penting bagi memahami jiwa manusia. Buku ini merupakan salah satu usaha bagi mengembangkan pengetahuan mengenai psikologi khususnya dalam melaksanakan kerja dakwah. Buku ini diterbitkan sebagai rujukan yang penting untuk dimiliki oleh para pendakwah dan masyarakat yang ingin memahami psikologi sasaran dan pendekatan dakwah yang sesuai untuk mereka. Penulis telah mengolah buku ini dengan penggunaan gaya bahasa yang mudah difahami untuk menjadikan buku ini sesuai untuk rujukan para pendakwah, pelajar dan pengkaji ilmu-ilmu dakwah. Pendekatan psikologi dalam menyampaikan dakwah adalah pendekatan dakwah yang sesuai untuk mereka. Pendekatan psikologi dalam menyampaikan dakwah yang diajukan melalui buku ini adalah pendekatan dakwah melalui *attention*, melalui saluran motif, layanan emosi, melalui peneguhan, melalui status, pembinaan personaliti yang mantap dan pembinaan sosial. Antara sasaran yang memerlukan pendekatan dakwah melalui psikologi ini antara yang difokus oleh penulis termasuk kanak-kanak, remaja, warga emas, orang kurang upaya dan banduan.

SINOPSIS BUKU



MOHD ROSLAN MOHD
NOR & RUZANAH MOHD
ROZI
**KONFLIK GAZA DAN MISI
KEMANUSIAAN FREEDOM
FLOTILLA**

Kuala Lumpur : Penerbit
Universiti Malaya, 2020.
ISBN: 9789674881276

Buku ini menyingkap krisis kemanusiaan yang berlaku di Gaza sejak tahun 2006 selepas Hamas memenangi pilihan raya pertama di Gaza pada tahun tersebut. Akibatnya, negara-negara Barat memutuskan hubungan dengan Gaza manakala Israel mengeksploitasi keadaan ini dengan mengepung Gaza dari semua arah. Lantas mencetuskan krisis kemanusiaan yang hebat di Gaza. Buku ini memaparkan kaedah pengurusan misi bantuan kemanusiaan yang dibuat dalam skala besar yang melibatkan sukarelawan dari pelbagai negara dan latar belakang sosial. Pembaca didedahkan dengan beberapa pandangan terhadap perbezaan antara misi bantuan kemanusiaan yang dibawa oleh Freedom Flotilla dengan misi yang lain di samping memperlihatkan bagaimana kelainan yang dibawa oleh misi bantuan ini dapat membantu Gaza dari pelbagai aspek. Buku ini turut membincangkan bentuk pengurusan misi bantuan kemanusiaan Freedom Flotilla dalam mengendalikan operasi dan cabarannya terutama dalam menghadapi ancaman Israel.

SINOPSIS BUKU



AZIZI JAAFAR
ASAS PEMBANGUNAN
KURIKULUM DALAM
PENDIDIKAN

Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka, 2019.
ISBN: 9789834921804

Secara umumnya, kurikulum ialah dokumen perancangan pembelajaran yang direka bentuk oleh pakar sesuatu kurikulum untuk dirujuk oleh guru dan dipelajari di dalam serta di luar kawasan sekolah. Kurikulum ialah pelan berstruktur yang melibatkan pengetahuan, kemahiran, tingkah laku dan pengalaman pembelajaran yang berkaitan. Kualiti sistem pendidikan sesebuah negara bergantung pada kualiti kurikulum yang dibina, Kurikulum menjadi tonggak dan kekuatan untuk melahirkan generasi akan datang yang cemerlang secara seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Buku ini menerangkan asas pembangunan kurikulum dalam pendidikan. Penerangan yang diberikan antaranya termasuklah pembinaan, perancangan, reka bentuk, pelaksanaan, penilaian dan transformasi kurikulum. Buku yang mengandungi tujuh bab ini sesuai dijadikan bahan bacaan oleh para guru, pensyarah, pemimpin kurikulum, pengurusan pendidikan, bakal guru dan pelajar di universiti awam dan swasta khususnya dalam bidang pendidikan di seluruh Malaysia.

SINOPSIS BUKU




SEJARAH PENUBUHAN BATALION 19 PGA (KAWALAN KESELAMATAN)

Cheras, Selangor : Ibu
Pejabat Batalion 19 PGA
(Kawalan Keselamatan)
PDRM.

ISBN: 9789671768907

Pasukan Gerakan Am (PGA) merupakan salah satu cawangan dalam PDRM. Pasukan ini merupakan elemen tempur PDRM bagi mengendalikan operasi punitif yang bertujuan memberikan tekanan terhadap sebarang bentuk pakatan bersenjata, kegiatan-kegiatan *subversive*, pemberontakan dan ancaman yang berlaku di dalam Malaysia. Buku ini diterbitkan sebagai rujukan dan wadah utama dalam menyebarkan maklumat mengenai PGA khususnya Batalion 19 PGA (Kawalan Keselamatan). Batalion 19 PGA (Kawalan Keselamatan) memikul tanggungjawab yang besar dalam memastikan aspek kawalan keselamatan khususnya dalam memberikan khidmat perlindungan kawalan keselamatan kepada VVIP tempatan, bangunan-bangunan penting kerajaan, kediaman-kediaman tertentu dan juga keselamatan diplomat asing di Malaysia. Merangkumi usaha dalam memberi kawalan keselamatan, mengekalkan keamanan, memelihara undang-undang serta memberi perlindungan terhadap nyawa dan harta benda.

SINOPSIS BUKU



MAIMUNAH AMINUDDIN
Employee Misconduct
Selangor: The Malaysian
Current Law Journal Sdn Bhd,
2020
ISBN: 9789674571450

Employee Misconduct is an aid to human resource managers, industrial relations practitioners and other managers to understand what is, and what is not considered employee misconduct. Each chapter examines a different type of misconduct including sexual harassment, abuse of social media, conflict of interest, cheating, stealing and others. The principles relating to each type of misconduct are illustrated by summaries of relevant, recent Industrial Court awards. All chapters also offer some ideas on how to minimize the incidence of employee misconduct, particularly by introducing written policies which provide clarification to employees so that they understand the types of behavior which are not acceptable. The contents of this book are up to date and include reference to the 2019 amendments to the Industrial Relations Act.

SINOPSIS BUKU




MAARUF ABD. GHANI
**Penyelesaian Ketidakpatuhan
Halal Industri Kecil dan
Sederhana**

Selangor: Penerbit Universiti
Kebangsaan Malaysia, 2019
ISBN: 9789672388180

Buku ini membincangkan masalah dan ketidakpatuhan yang selalu berlaku dalam premis dan kemudahan, ramuan, penyediaan, pemprosesan dan penyimpanan makanan untuk memenuhi keperluan pensijilan Halal Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Masalah dan ketidakpatuhan ini menjadi isu utama kepada industri IKS dalam proses mendapatkan pensijilan Halal. Ini berlaku disebabkan banyak kekeliruan dan ketidakfahaman terhadap faktor yang menyebabkan ketidakpatuhan kepada pensijilan Halal. Buku ini juga mengupas masalah dan ketidakpatuhan yang selalu berlaku kepada IKS dan cadangan penyelesaian kepada ketidakpatuhan itu. Selain itu, buku ini juga memfokuskan kepada elemen (*Non Conformance Report*) NCR yang sering berlaku dalam pensijilan Halal dan jalan penyelesaian bagi Laporan Ketidakpatuhan yang diperolehi. Buku ini dapat membantu pengusaha khususnya dan masyarakat umum supaya lebih bersedia untuk memenuhi keperluan halal dalam penghasilan produk.

SINOPSIS BUKU



NORAINI ZULKIFLI
**Kepentingan Nasional Jepun
di Selat Melaka**

Selangor: Penerbit Universiti
Kebangsaan Malaysia, 2020
ISBN: 9789674128067

Buku Kepentingan Jepun di Selat Melaka menganalisis kehadiran Jepun di Selat Melaka yang terletak jauh ke barat daya negaranya. Sebagai sebuah negara yang mempunyai kemampuan ekonomi, Jepun mempunyai kepentingan nasional di Selat Melaka. Justeru itu, kehadirannya bukan sahaja untuk menjaga keselamatan kapal yang berlayar dan berlabuh di situ sahaja, malah menjaga kepentingan ekonomi dan kepentingan strategiknya demi kelangsungan hidup negara. Ini bertepatan dengan teori tersohor hubungan antarabangsa neorealisme yang menghujah negara bersendirian dalam struktur antarabangsa. Buku ini amat relevan untuk dijadikan bahan rujukan ilmiah dan juga ahli akademik selain sesuai untuk pelajar sarjana. Turut bermanfaat sebagai rujukan pembuat dasar berkaitan isu dan keselamatan maritim.



DOLAH TEKOI

**Buku Adat dan Pantang Larang
Orang Asli Semenanjung
Malaysia : Suku Urang Huluk
(Jakun) Johor**

Selangor: Gerakbudaya Enterprise,
2020

ISBN: 9789670311463

Buku Adat dan Pantang Larang Suku Urang Huluk (Jakun) Jakun Johor ini merupakan salah satu kaedah pengekaln amalan adat budaya kerana apa yang ditulis di dalamnya hampir merangkumi keseluruhan amalan adat berkaitan suku tersebut. Buku ini secara jelas telah menerangkan mengenai lima adat penting yang menjadi tunjang kekuatan mereka. Perkara ini termasuklah Adat Perkahwinan, Adat Menyempurna Kematian, Adat Ketika Membuka Kebun/Tanah Baru, Peranan Seorang Puyang dan Pantang Larang yang menjadi pedoman bagi mereka agar dapat menghindari hal-hal buruk dan mengambil perkara yang baik sebagai amalan dan iktibar.

SINOPSIS BUKU



HALMI ZAINOL,
HASNIZAM AB
DULHAMID


PERANCANGAN FIZIKAL KONTEMPORARI

Shah Alam, Selangor :
Penerbit UiTM, Universiti
Teknologi MARA, 2018.

ISBN: 9789673635511

Buku Perancangan Fizikal Kontemporari merupakan hasil pemikiran dan pandangan dua penulis dalam bidang perancangan bandar. Buku ini ditujukan bukan hanya kepada pelajar perancang bandar di pusat pengajian tinggi sahaja, malahan boleh dimanfaatkan oleh mereka yang berminat untuk mengetahui secara khusus aspek perancangan bandar. Penulisan buku ini memberi tumpuan kepada aspek-aspek asas bidang perancangan bandar dengan penekanan kepada perancangan fizikal. Aspek teori sejarah, konsep perancangan dan perancangan guna tanah telah dikemas kini bagi memberi penghuraian yang jelas kepada pembaca. Ringkasnya buku ini dapat memberi pendedahan umum dan menambahkan pengetahuan dalam bidang perancangan bandar. Buku ini amat sesuai untuk pelajar pusat pengajian tinggi dan juga kepada profesional yang meminati serta ingin mendalami ilmu perancangan bandar.

SINOPSIS BUKU




**GAMBAR MELAYU ERA
STUDIO / EDITOR:
NORMAN YUSOFF**

Shah Alam, Selangor :
Pusat Kajian & Apresiasi
Filem, [2020].

ISBN: 9789671786406

Esei-esei dalam Gambar Melayu Era Studio ini adalah himpunan penulisan tentang filem-filem Melayu yang dihasilkan ketika 'era studio' di Singapura dan Kuala Lumpur. Esei-esei ini mencakupi topik dan fokus yang luas dan beraneka yang menyulam maksud konteks atau menghubungkan filem dengan semangat era atau zamannya yang membacanya dari perspektif genre dan kategori serta yang meneliti hubungan filem dengan teks atau medium seni lain. Hal ini dapat menyaksikan kelangsungan terhadap apresiasi filem-filem era studio ini dengan pelbagai peranan dan kepentingan sebagai ekspresi seni, artifak budaya dan warisan, rakaman sejarah, apparatus politik dan propaganda serta sumber hikmah dan keilmuan.

SINOPSIS BUKU



Imam al-Ghazali

IHSAN DALAM URUS
NIAGA / Imam al-Ghazali
; penterjemah Adi Setia,
Amru Khalid ; penyunting
Rizky Febrian

Batu Caves, Selangor :
RIHLA MEDIA, 2018

ISBN: 9789671495018

Teks asal al-Ihsan fi al-Mu'amalah ini ditulis oleh Imam al-Ghazali. Ia adalah satu bahagian penting dalam Kitab Adab al-Kasb wa al-Ma'ash (Kitab Adab Berusaha dan Menyara Hidup) yang merupakan salah satu bahagian daripada adiknya beliau, Ihya' Ulum al-Din. Melalui karya ini, beliau telah memperincikan hubungan antara keadilan dan ihsan dalam urus niaga, yang pada dasarnya peniaga berada pada kedudukan yang lebih tinggi untuk memastikan keadilan dalam urus-niaganya andai pada masa yang sama dia juga ingin berbuat ihsan. Imam al-Ghazali juga menambah penjelasannya dengan menyenaraikan enam jalan amal yang perlu ditempuhi untuk mencapai darjat ihsan dalam urus niaga.

SINOPSIS BUKU



Buku karya Prof. Dato' Mohammad Abu Bakar ini dihasilkan setebal hampir 500 halaman, merangkumi 60 bab yang menceritakan perihal asal usul, arus hidup dan arah tuju orang Terengganu. Penceritaan dari kepelbagaian aspek sosio budaya, geografi, ekonomi dan lain-lain aspek secara terperinci menjadikan bahan bacaan ini sangat menarik untuk mendalami ilmu antropologi & sosiologi.


**ORANG TERENGGANU :
Asal Usul, Arus Hidup
dan Arah Tuju**

Suntingan & Pengenalan:
MUHAMMAD ABU BAKAR

Kuala Terengganu,
Terengganu : Perbadanan
Perpustakaan Awam
Terangganu, [2018]

ISBN: 9789834027827

SINOPSIS BUKU



Shahrain Remeli


**HYPNOSIS : SENI DITAKUTI
DUNIA / SHAHRAIN REMELI**

Pasir Gudang, Johor : HYPNOTIC
WORKS RESOURCES, 2019.

ISBN: 9789671682708

Rahsia dari peradaban kuno yang berkembang maju lebih 200 tahun dan kini menjadi aplikasi berpengaruh serta ditakuti dunia. Kuasanya sebelum ia dikuasai oleh mereka yang sudah sedia untuk lebih berjaya. Buku ini memperkenalkan 'Hypnosis' kepada anda. Seni yang sering menjadi kontroversi diperkata dan disalah fahami oleh masyarakat. Sedangkan, seni ini telah berkembang sehingga ke dunia klinikal dan menjadi terapi alami yang bermanfaat. Apa sebenarnya Hypnosis ini? Bagaimana ia dapat memberi manfaat untuk mencapai kejayaan telah dijawab dalam buku ini oleh pengamalnya. Menariknya lagi, buku ini tidak diberatkan dengan terma atau istilah yang sukar untuk dihadap oleh para pemula. Penyampaian dengan bahasa mudah dan padat dengan penerangan, cerita, rahsia serta teknik program diri sendiri yang tidak mungkin diperolehi di mana-mana.

SINOPSIS BUKU



**PROF. DR. 'UMAR
SULAYMAN AL-ASHQAR**

**40 Hadis Sahih Kisah
Ghaib & Ajaib**

Kuala Lumpur : Telaga
Biru Sdn. Bhd., 2019.

ISBN: 9789673884407

Buku 40 Hadis Sahih Kisah Ghaib dan Ajaib ini merupakan sebuah buku yang diinspirasi daripada sebuah kitab bahasa Arab, Qisas al-Ghayb fi Shahih al-Hadis al-Nabawi karya Prof. Dr. 'Umar Sulayman al-'Ashqar. Buku ini menampilkan kisah-kisah ajaib yang diambil daripada hadis-hadis sahih dalam kitab Sunan Sittah. Antaranya ialah hadis tentang keadaan ahli syurga, hadis Tamim al-Dari, hadis Imam al- Mahdi dan pelbagai perkara ghaib yang lain. Sudah sampai masanya masyarakat kita didedahkan kepada kisah-kisah ghaib dan ajaib yang sahih bersumberkan al-Quran dan al-Hadis sekali gus mampu mendeburkan keimanan kepada alam ghaib daripada terus dikhayalkan dengan kisah-kisah ghaib yang pelik, ajaib dan tidak dapat dipastikan sumber asalnya.

SINOPSIS BUKU



SITI SHAMSIAH MD SUPI


Sahsiah, Pemikiran & Sumbangan Ilmiah

Kuala Lumpur : Institut
Kefahaman Islam Malaysia
(IKIM), 2020.

ISBN: 9789832718734

Karya yang mengandungi 21 bab ini dianggap sempurna dalam mengisahkan kehidupan Almarhum Profesor Ahmad bin Mohamad Ibrahim yang berkredibiliti, prolific dan hebat dalam dunia perundangan Islam di Malaysia. Karya ini turut mengisahkan latar belakang: sahsiah yang istimewa; dan pemikiran serta sumbangan hebat Almarhum dalam dunia perundangan Islam. Sumbangan ilmiah Almarhum telah dibincangkan dari pelbagai sudut, iaitu perbandingan pemikiran, kewangan dan perbankan, takaful, undang-undang murtad, undang-undang keluarga, undang-undang komersial, undang-undang jenayah syariah, dan wakaf. Rangkuman hasil tulisan dalam kalangan mereka yang amat mengenali keperibadian dan mengagumi pemikiran Almarhum termasuk anak beliau sendiri, bekas-bekas pelajar serta rakan-rakan seperjuangan turut dimuatkan. Maka, tidak keterlaluan untuk menganggap karya ini adalah rakaman dedikasi, ingatan dan penghormatan yang hebat terhadap Almarhum.

SINOPSIS BUKU



MOHD FADZIL AKHIR

**Anak Melayu di Bumi
Kanggaru**

Terengganu : Penerbit
Universiti Malaysia
Terengganu, 2019.

ISBN: 9789672320395

Kanggaru dan *Opera House*? Kalau hanya itu yang anda tahu tentang Australia, buku ini bakal membawa anda meneroka keunikan sebuah negara pulau terbesar di dunia. Australia agak dekat dengan Malaysia dan amat menarik untuk diperkatakan. Sekitar di bandar Perth sahaja ada hampir 20,000 orang penduduk tetap berbangsa Melayu, mengapa? Selain itu, Australia merupakan negara paling kering, menjadi habitat kepada reptilia paling berbahaya, menghasilkan antara susu terbaik di dunia, memainkan sukan paling ganas dan bertanggungjawab menghasilkan wi-fi. Buku ini mengolah cerita tentang Australia dengan penuh bersahaja tetapi padat dengan maklumat menarik yang menyentuh pelbagai topik meliputi sains, politik, sejarah dan sosioekonomi. Menghabiskan masa selama 3 tahun di sana, penulis juga menyelitkan pelbagai kisah menarik kehidupan bersama anak Melayu di bumi asing. Kisah kembara ini bakal mengubah cara anda melihat dunia dan lebih menghargai tanah air

SINOPSIS BUKU



AFIFI AHMAD


Hidup Mengabdikan Hidup Berbakti

Kajang : CDT Management
& Training Sdn. Bhd., 2019.

ISBN: 9789671497050

Ketika manusia beriman, fungsi hati akan aktif. Keaktifan hati akan dapat membimbing akal supaya akal dapat berfikir dengan benar. Akal juga akan menjadi kuat sehingga ia tidak lagi dapat dikalahkan dan dikuasai oleh hawa nafsu. Maka di sinilah fungsi wahyu Allah SWT itu untuk membersihkan dan menguatkan hati manusia, sehingga ia dapat menguasai akal dan nafsu manusia. Ketika akal gagal mencari jawapan kepada soalan: kenapa manusia hadir ke dunia ini? Maka hati akan membimbing manusia memahami jawapan yang datangnya dari Allah SWT tentang segala persoalan yang muncul dalam pemikiran akal manusia. Beriman dan yakin bersungguh-sungguh kepada Allah SWT, akan memudahkan proses pencarian segala jawapan yang pernah muncul dalam pemikiran manusia tentang erti hidup ini.

SINOPSIS BUKU



MASTURA MAHMUD, RUZAINI
MOKHTAR

**Impak Amalan Pembakaran
Terbuka Jerami Padi di Kedah**

Bangi : Penerbit Universiti
Kebangsaan Malaysia, 2019.

ISBN: 9789674129828

Amalan penanaman padi di Kedah masih menggunakan kaedah pembakaran jerami sebelum padi ditanam semula. Pembakaran terbuka lazimnya dilakukan kerana ia cepat, mudah, murah di samping dapat menambahkan lagi kesuburan tanah selain mengelak daripada gangguan serangga perosak pokok padi. Pembakaran terbuka jerami padi sebanyak dua kali setahun telah menyebabkan beberapa implikasi iaitu peningkatan bahan pencemaran udara seperti karbon monoksida dan zarah terampai, menyebabkan keadaan berjerebu, menjejaskan kesihatan pesawah, berlakunya kemalangan jalan raya dan mengganggu kegiatan sosial masyarakat setempat. Temu bual bersama 60 pesawah yang kebanyakannya terdiri daripada warga emas dan tergolong dalam kalangan B40 di sekitar Kota Setar telah mendalami persepsi mereka berkenaan impak pembakaran terbuka jerami dan kesan terhadap kesihatan pesawah. Alternatif terhadap amalan selain daripada pembakaran juga diterokai melalui kerjasama daripada pihak MADA dan Jabatan Alam Sekitar.

SINOPSIS BUKU



JM ROSMAWATI HAMZAH,
JM NORHASIDAH ABD
RAZAK, SN
ROSNALIZAWATI HAMZAH,
DR. NUR AKMAL ISMAIL,
DR. AIMI RAHAYU, DR.
AINUL ARINA & DR. FAHD
RAZY

**Buku Pink: Cerita-Cerita Ibu
Mengandung**

Kuala Terengganu: Kata-Pilar
Books, 2019.

ISBN: 9789672014300

Buku ini menceritakan tentang pengalaman para petugas kesihatan dalam mengendalikan proses kehamilan dan kelahiran. Turut diceritakan situasi-situasi yang sedih, lucu, gembira dan yang mendebarkan. Fitrah kehamilan dan kelahiran menggambarkan kasih sayang, cinta dan juga harapan di dalam sesebuah keluarga. Bukan sekadar cerita berkaitan pengalaman kehamilan dan kelahiran sahaja, tetapi buku ini mengandungi banyak maklumat dan nasihat kesihatan yang sangat penting berguna kepada para bakal ibu bapa dalam menghadapi situasi kehamilan dan kelahiran. Oleh yang demikian, buku ini disarankan untuk dibaca kepada para wanita dan juga sesuai juga untuk lelaki. Buku ini telah menerima Anugerah Buku Negara di bawah kategori Penerbit Buku Perubatan Terbaik 2018 pada tahun 2018.

SINOPSIS BUKU

BUKU INI POTONG STIM!

Ketagihan dan Cara-cara Untuk Mengawalnya



DATUK MOHD YUNUS
PATHI


Buku Ini Potong Stim!

Petaling Jaya: MPH, 2019.

ISBN: 9789674155117

Buku ini menceritakan berkaitan ketagihan dadah dan cara-cara untuk mengawal ketagihan. Penyalahgunaan dadah merupakan masalah yang kronik di seluruh dunia. Melalui buku ini, Datuk Mohd Yunus Pathi mendedahkan dengan cara yang bersahaja tentang pengalaman peribadinya dan juga modul yang digunakan di seluruh dunia dalam usaha membebaskan diri dari belenggu penagihan dadah. Buku ini sangat sesuai untuk dibaca oleh setiap lapisan umur dalam usaha untuk menghindari diri daripada ketagihan dadah dan kembali bebas dari najis dadah. Banyak maklumat berkaitan ketagihan dadah, sebab ketagihan, akibat dan kesan ketagihan dadah, serta cara-cara menjauhkan diri dari gejala ketagihan dinyatakan dalam buku ini. Rawatan dan nasihat untuk menghentikan diri dari ketagihan turut dibincangkan.

SINOPSIS BUKU



EDITOR: JAIE RAMLEE


Garis: An Anthology of Sketches

Johor: Think city, 2018.

ISBN: 9789671605912

This sketch book project displays selected works from eight artists from Johor Sketchers with various career backgrounds. The project aims to raise the awareness on the importance of sketching in various things in life. It is crucial for those who are involved in arts to practice their skills in drawing and producing artworks. Sketching can also be practiced by non-artists as it helps one to visualize an idea better. Moreover, it is a form of therapy and self-meditation to express the inner feelings. The aim is also to acknowledge the people in general that the sketchers involved in this project come from different areas and backgrounds. This book provides a medium for beginner artists or non-artists to observe and learn on how the artists take various subjects in their artworks and at the same time maintain their personal touch and trademarks.

SINOPSIS BUKU



SYED MAHADZIR SYED
IBRAHIM


**Membongkar Misteri
Tamadun Dunia yang
Hilang**

Petaling Jaya: Hijjaz
Records Publishing, 2019.

ISBN: 9789675391965

Buku ini menceritakan tentang sejarah tamadun dunia yang sudah lenyap ditelan zaman. Ada di antaranya tidak langsung meninggalkan sebarang kesan sejarah, tidak ditemui sebarang artifak tinggalan malah dilupakan begitu sahaja. Namun begitu ada juga tamadun yang hilang tetapi masih dapat dihayati kewujudannya melalui pelbagai artifak tinggalan hasil dari penggalian pakar-pakar arkeologi. Antara tamadun yang sudah hilang ditelan zaman ialah tamadun Olmek, tamadun Aztek, tamadun Elam, tamadun Viking, tamadun Mesopotamia, tamadun Atlantis, tamadun Lemuria dan beberapa tamadun lagi. Melalui buku ini juga dipaparkan beberapa tamadun yang dirasakan menarik untuk dihayati dan diteladani kisah-kisahannya. Kesemua tamadun yang dipaparkan disertakan dengan bukti-bukti arkeologi dan catatan-catatan bersejarah yang ditemui oleh pengkaji termasuk misteri dan persoalan yang sehingga kini belum dapat dijawab untuk tatapan semua lapisan umur.

SINOPSIS BUKU



AHMAD FIKRI, EMAN DHANI
& KEKNIE


Kilo VS Kalori

Kuala Terengganu : Kata Pilar
Books, 2019.

ISBN: 9789672014522

Buku ini memaparkan statistik bagi tahun 2014 yang menunjukkan 30 peratus rakyat Malaysia menghadapi masalah obesiti dan merupakan negara yang tertinggi di Asia Tenggara. Ini bermakna jika anda sedang melepak di kedai makan bersama lima orang kawan, kemungkinan satu atau dua daripadanya adalah obes. Obesiti merupakan antara migrain utama sektor kesihatan selain daripada gejala merokok (apatah lagi jika obes dan merokok). Darah tinggi, kencing manis, strok, penyakit jantung dan pelbagai rantaian penyakit akan membelenggu selain perubahan bentuk badan dan kesusahan pergerakan akibat dari obes. Faktor sampingan disebabkan masalah obesiti akan memberi kesan sampingan yang sangat buruk terhadap penghidap. Penulis juga memberi pelbagai maklumat berkaitan bagi mengatasi dan mengubah hidup dari masalah obesiti.

SINOPSIS BUKU



KHAIRULNAHAR
JAMALUDDIN


**Panduan Wang Gaji:
Mudah, Sistematik,
Berkesan**

Kuala Lumpur: Thinkerich
Resources, 2019.

ISBN: 9789671691700

Buku ini berkisar tentang aspek pengurusan kewangan wang gaji. Penulis menekankan beberapa aspek teknikal dan praktikal yang jarang disentuh oleh penulis lain. Sesuai untuk para graduan yang baru melangkah ke alam pekerjaan dan juga untuk para pekerja yang selalu mengeluh gaji mereka sentiasa tidak cukup. Banyak masalah yang akan timbul sering kedengaran sekiranya gaji tidak mencukupi. Buku ini akan memberi panduan untuk menyelesaikan masalah dengan menguruskan wang dengan lebih baik agar tidak mudah terjebak ke dalam kancah hutang dan masalah kewangan. Turut dikongsi cara dan kaedah membuat agihan ke atas wang gaji bagi membentuk pelbagai bentuk tabungan sewaktu kecemasan, persaraan dan juga untuk memenuhi setiap impian dengan cara yang mudah, teratur dan berkesan.

SINOPSIS BUKU



TUAN IZAN SHAFIE

Storytelling Menjual Dengan Cerita

Ipoh, Perak: Akademi Guru
Niaga Plt., 2019

ISBN: 9789671735404

Buku ini menghuraikan secara komprehensif bagaimana teknik pemasaran secara *Storeytelling* boleh membantu usahawan dalam memasarkan dan menjenama sesuatu produk atau servis. *Storeytelling* adalah satu teknik popular pemasaran yang mampu menarik minat prospek dan pelanggan. Kebanyakan orang tidak suka *hard sell* tetapi mereka sangat sukakan cerita lebih-lebih lagi prospek yang berada di media sosial. Cerita akan membuatkan mereka mudah terpesona, terpengaruh serta tenggelam dalam emosi dan jalan cerita tersebut. Kesan-kesan sebegini dimahukan dalam gaya pemasaran kini yang memerlukan *engagement* kuat dengan pembaca (pembaca iklan). Isi kandungan buku ini sangat mudah difahami dan memaparkan maklumat dalam bentuk infografik yang menjadikan buku ini menarik dan mudah untuk digunakan.

SINOPSIS BUKU



MIMI SALLEH


**Rakyat Stereng Lawan
Gawat**

Selangor: Kasi Terbit PIt,
2020

ISBN: 9789671773901

Buku ini mengumpulkan tiga puluh kisah benar daripada pemandu *e-hailing*. Kesemua cerita yang dikongsi oleh penulis adalah berdasarkan pengalaman penulis sendiri. Perkhidmatan *e-hailing* di Malaysia seperti Grab, dan MyCar telah menjadi salah satu perkhidmatan yang dapat menjana pendapatan yang agak menarik. Mengisahkan kisah menarik di mana kebanyakan pemandu-pemandu *e-hailing* adalah sekelompok individu yang memilih untuk bekerja sambil dan banyak pengalaman yang diceritakan dalam buku ini. Cerita-cerita yang dipaparkan dalam buku ini sangat spontan dan memberi inspirasi kepada pembaca dalam mengharungi kehidupan seharian yang serba mencabar. Kisah pemandu *e-hailing* ini adalah sebahagian dari realiti kehidupan masyarakat Malaysia.

SINOPSIS BUKU



MOHD ZAKI BAHRUDDIN,
HAMID SAAD & KHAIRUL
HISYAM KAMARUDIN


Kemampuan Ekonomi Luar Bandar

Johor Bahru, Johor: Penerbit
UTM Press, 2019

ISBN: 9789835215759

Kemampuan aktiviti ekonomi menjadi penanda aras yang penting bagi mengukur tahap kemajuan dan kemampuan komuniti luar bandar. Kepelbagaian aktiviti ekonomi yang wujud dapat menjadikan sesuatu kawasan atau daerah itu sebagai salah satu tarikan untuk menarik pelabur luar serta menjadikan tempat tersebut sebagai destinasi pelancongan. Walau bagaimanapun, cabaran dan tekanan ekonomi semasa terutamanya dalam peningkatan kos bahan mentah dan kurangnya inovasi dalam sektor perusahaan telah menjadikan sesetengah aktiviti ekonomi seperti pertanian mengalami kemerosotan nilai komersial. Buku ini juga berperanan sebagai bahan rujukan yang komprehensif tentang pengurusan sumber aktiviti ekonomi yang akan menjana nilai komersial dan memberi keuntungan dalam jangka masa panjang.

SINOPSIS BUKU



SYAHMAN ABU HASAN

Buat Untung Dengan Rumah Sewa

Selangor: Kasi Terbit PIt, 2019

ISBN: 9789671593066

Buku ini mendedahkan secara eksklusif usahawan *sublet* sepenuh masa. *Sublet* adalah satu istilah sejenis perniagaan yang menjana pendapatan hasil keuntungan sewa daripada rumah yang dimiliki oleh orang lain. *Subletter* pula ialah orang yang menjalankan perniagaan ini dan tetap dipanggil Tuan Rumah oleh penyewa walaupun rumah tersebut bukan milik Tuan Rumah itu. Buku ini juga mengandungi cara dan kaedah yang digunakan untuk menguruskan hartanah dengan konsep *sublet* ini. Penulis juga berkongsi pengalaman beliau dalam menguruskan rumah-rumah sewa seperti dari segi penyelenggaraan rumah dan sebagainya. Buku ini sangat sesuai kepada semua golongan masyarakat yang ingin menambah pendapatan dengan mencuba bidang *sublet* ini.